



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN TEKNOLOGI
KOD KURSUS : DKM 3182
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **Lima (5)** soalan.
Jawab **Empat (4)** soalan daripada **Lima 5**).
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas graf

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

SOALAN 1

- a) Berikan **dua (2)** prinsip dalam Pengurusan Kualiti secara menyeluruh

(2 markah)

- b) Syarikat Pengedar Chicago adalah syarikat yang menghasilkan klip kertas dan lain- lain peralatan pejabat. Walaupun tidak mahal, klip kertas telah memberikan keuntungan yang baik pada syarikat ini. Sebanyak 200 sampel telah diambil. **Jadual 1** di bawah menunjukkan keputusan untuk 10 sampel. Kirakan Had Kawalan Atas dan Had Kawalan Bawah (*UCL dan LCL*). Adakah proses ini didalam had kawalan?

- a) Tentukan Had Kawalan Atas untuk proses ini?

(4 markah)

- b) Tentukan Had Kawalan Bawah untuk proses ini?

(2 markah)

- c) Plotkan nilai untuk sampel itu?

(4 markah)

SAMPEL	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
KEROSAKAN	5	7	4	4	6	3	5	6	2	8

Jadual 1**[12 MARKAH]**

SOALAN 2

a) Nyatakan objektif ramalan pengeluaran?

(2 markah)

b) Berikan **empat (4)** fungsi Kawalan Perancangan Pengeluaran?

(4 markah)

c) Syarikat Berjaya Sdn Bhd memerlukan 430 pam pada setiap minggu. Syarikat ini beroperasi 5 hari seminggu dalam setahun. Kos memesan ialah RM120 bagi setiap pesanan dan kos pegangan adalah RM100 setiap pam. Syarikat tersebut akan memesan 750 pam bagi setiap pesanan.

Tentukan:-

i. Jumlah kos tahunan (kos pesanan dan kos pegangan) yang perlu di bayar oleh syarikat ini.

(2 markah)

ii. Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ) bagi syarikat ini.

(2 markah)

iii. Jumlah kos tahunan yang perlu dibayar jika EOQ dipesan.

(2 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 3

- a) **Enam (6)** proses kerja akan melalui 3 operasi seperti dalam **Jadual 2**. Operasi pertama membabitkan pemotongan, operasi kedua adalah menggegas dan operasi ketiga adalah mengecat. Masa proses setiap operasi ditunjukkan dalam jadual di bawah.

KERJA- KERJA	JAM		
	OPERASI 1	OPERASI 2	OPERASI 3
A	18	9	16
B	12	3	11
C	10	2	20
D	1	4	15
E	5	6	12
F	7	8	10

Jadual 2

- i. Tentukan susunan yang meminimumkan operasi.
(3 markah)
- ii. Tentukan masa yang diperlukan untuk menyiapkan kerja dengan menggunakan Peraturan Johnson.
(3 markah)

- b) Syarikat Jati adalah syarikat pembuatan perabot. Pada masa ini, syarikat ini mempunyai **lima (5)** kerja yang sedang menunggu seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3**. Menggunakan kaedah EDD dan LPT, tentukan kaedah yang terbaik dalam menyusun kerja- kerja ini.

(6 markah)

KERJA	MASA MEMPROSES (JAM)	TEMPOH (JAM)
A	23	88
B	13	45
C	15	120
D	20	78
E	18	93

Jadual 3

(12 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 4

- a) Nyatakan **empat (4)** fungsi pengurus dalam sebuah organisasi dan huraikan dengan ringkas setiap fungsi tersebut.

(8 markah)

- b) Terangkan perbezaan dan kepentingan antara fungsi lini dan staf di dalam carta organisasi.

(4 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 5

a) Berikan definisi laluan kritikal

(2 markah)

b) Kedai cenderamata Hard Rock Cafe yang sedang mengalami pengubahsuaian mempunyai **enam (6)** aktiviti (dalam jam). **Jadual 4** menunjukkan aktiviti yang terlibat.

AKTIVITI	a	m	b	PENDULU
A	11	15	19	-
B	27	31	41	-
C	18	18	18	A
D	8	13	19	A,B
E	17	18	20	C
F	16	19	22	C,D

Jadual 4

i. Kirakan masa jangkaan dan '*standard deviation*' untuk setiap aktiviti di bawah.

(4 markah)

ii. Lukiskan rajah rangkaian.

(3 markah)

iii. Apakah masa menyiapkan projek?

(1 markah)

iv. Tentukan laluan kritikal

(2 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

